



## NEGERI SABAH

[JPAN 700-1/110/1 Klt. 9(67)]

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 4/2005

#### TAWARAN OPSYEN SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan syarat dan prosedur opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Skim KWSP) mengikut peruntukan Seksyen 6A(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239), sejajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

#### DEFINISI

2. Untuk tujuan Pekeliling ini:

**Agensi awam** bermaksud kementerian atau jabatan negeri, pihak berkuasa berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan negeri;

**Ketua jabatan** bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah organisasi sama ada di peringkat ibu pejabat, bahagian, cawangan, seksyen atau unit dalam sesebuah agensi awam, iaitu termasuk ketua perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh ketua jabatan;

**Pegawai** bermaksud pegawai atau pekerja yang dilantik secara tetap berkhidmat dengan mana-mana perkhidmatan sektor awam;

**Pegawai berpencen** bermaksud pegawai yang telah diberi taraf pegawai berpencen di bawah Seksyen 7 Akta 227, atau pekerja berpencen di bawah Seksyen 6 Akta 239, atau yang disifatkan sebagai pegawai berpencen di bawah Seksyen 8 Akta 227 atau pekerja berpencen di bawah Seksyen 7 Akta 239;

**Perkhidmatan sektor awam** bermaksud semua perkhidmatan yang disenaraikan dalam Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan (kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera), Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Perkhidmatan Pihak berkuasa Tempatan;

**Pihak berkuasa melantik (PBM)** bermaksud pihak yang diberi kuasa secara sah untuk melantik seseorang berkhidmat dengan mana-mana agensi awam di bawah bidang kuasa PBM berkenaan;

**Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** bermaksud kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

## LATAR BELAKANG

3. Subseksyen (1) di bawah Seksyen 6A Akta 227 dan Akta 239 memberi peluang kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 memilih Skim KWSP sebelum disahkan dalam jawatan. Peruntukan lengkap Subseksyen (1) Seksyen 6A Akta 227 adalah seperti berikut:

*“Seseorang pegawai yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, berhak untuk memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.”*

Subseksyen (3) di bawah seksyen yang sama menetapkan bahawa apabila opsyen yang dibuat oleh seseorang pegawai di bawah Subseksyen (1) itu berkuatkuasa, maka opsyen tersebut adalah muktamad. Ini bermakna pegawai tidak boleh meminda, menukar, membatalkan atau membuat opsyen yang baru kecuali telah meletakkan jawatan dan dilantik semula secara tetap sama ada ke jawatan yang sama atau berlainan.

## SYARAT MEMILIH SKIM KWSP

4. Mulai tarikh Pekeliling ini dikuatkuasakan, pegawai yang dilantik secara tetap ke dalam perkhidmatan sektor awam dalam keadaan berikut layak diberi opsyen untuk memilih Skim KWSP.

- (i) pegawai yang dilantik kali pertama;
- (ii) pegawai yang dilantik kali kedua dan seterusnya setelah meletakkan jawatan daripada perkhidmatan sebelumnya. Ini termasuklah pegawai yang telah diberi pelepasan dengan izin; dan
- (iii) pegawai yang belum pernah membuat opsyen mengikut peruntukan Seksyen 6A(1) Akta 227 atau Akta 239 dalam perkhidmatan sebelumnya.

5. Pada masa ini pegawai yang diberi pelepasan dengan izin oleh ketua jabatan untuk menyandang jawatan lain yang berada di bawah PBM yang berlainan dikehendaki meletakkan jawatan. Akibat peletakan jawatan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan yang terdahulu akan terputus. Walau bagaimanapun untuk memastikan hak pencegahan tidak terjejas, pegawai disyaratkan supaya memohon pelepasan dengan izin terlebih dahulu. Dengan peletakan jawatan itu pegawai layak diberi opsyen untuk memilih Skim KWSP dalam perkhidmatan yang baru. Jika memilih Skim KWSP sedangkan pegawai telah diberi taraf berpencen dalam perkhidmatan yang terdahulu, maka taraf tersebut akan mansuh. Sebaliknya, jika pegawai menolak Skim KWSP, maka taraf berpencen pegawai akan kekal dan tempoh perkhidmatan lama boleh dicantumkan dengan perkhidmatan yang baru untuk tujuan faedah pencen. Dalam keadaan ini pegawai tidak perlu diberi taraf berpencen sekali lagi.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

6. Oleh kerana pilihan yang bakal dibuat oleh seseorang pegawai itu akan memberi kesan yang besar kepada perkhidmatannya dari segi jangka panjang, maka ketua jabatan hendaklah memastikan:

- (i) sebelum diperakukan untuk disahkan dalam jawatan dan diberi opsyen, pegawai hendaklah diberi penjelasan mengenai implikasi pilihan yang bakal dibuat. Penjelasan ini boleh diberikan semasa pegawai mengikuti Kursus Induksi atau pada kesempatan yang lain. Pegawai dari Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pegawai KWSP boleh diundang untuk memberi penjelasan mengenai faedah kedua-dua skim itu, jika perlu;
- (ii) mengedarkan borang opsyen seperti di **Lampiran A** (untuk pegawai di bawah Akta 227) atau **Lampiran B** (untuk pegawai di bawah Akta 239), mengikut mana yang berkenaan, untuk membolehkan pegawai membuat opsyen;
- (iii) borang opsyen yang telah dilengkapkan oleh pegawai dikemukakan oleh ketua jabatan kepada PBM bersama-sama dengan perakuan pengesahan dalam jawatan;
- (iv) surat pengesahan dalam jawatan yang dikeluarkan oleh PBM hendaklah menyatakan pilihan yang telah dibuat oleh pegawai;
- (v) ketua jabatan hendaklah mencatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai mengenai opsyen yang telah dibuat;
- (vi) pegawai yang gagal mengembalikan borang opsyen, atau mengembalikannya tanpa sebarang pilihan, atau membuat pilihan dengan bersyarat, maka pegawai dianggap telah menolak pilihan Skim KWSP dan penolakan itu berkuatkuasa pada tarikh pengesahan dalam jawatan; dan
- (vii) opsyen yang telah dibuat oleh seseorang pegawai adalah **MUKTAMAD**

7. Setiap pegawai yang menolak tawaran Skim KWSP (kecuali pegawai yang berada dalam keadaan yang dihuraikan di perenggan 5 di atas), hendaklah diperakukan oleh ketua jabatan kepada PBM untuk diberi taraf berpencen dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran C** (untuk pegawai di bawah Akta 227) atau **Lampiran D** (untuk pegawai di bawah Akta 239), mana yang berkenaan, apabila pegawai memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

## **KUATKUASA DAN PEMBATALAN**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1994 dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

9. Pekeliling ini terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tertakluk di bawah Akta 227 serta pegawai Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang tertakluk di bawah Akta 239.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**



( K. Y. MUSTAFA )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Jabatan Ketua Menteri

**KOTA KINABALU**

Tarikh: 22 April 2005

s.k: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pencen  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Blok C1 dan C2 Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA.**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

## LAMPIRAN A

Rujukan Jabatan:

### **TAWARAN OPSYEN UNTUK MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN 6A(1) PINNAAN AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227)**

Saya..... yang telah dilantik ke jawatan..... dalam perkhidmatan..... pada..... dengan ini **bersetuju / tidak bersetuju\*** memilih Skim **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA.**

2. Saya sesungguhnya faham bahawa oleh kerana saya telah tidak memilih skim **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**, maka saya dengan sendirinya tertakluk di bawah Skim Pencen mengikut Akta 227.<sup>1</sup>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
( Tandatangan)

Disaksikan oleh : .....  
( Tandatangan)

Nama : .....

No. K. Pengenalan (baru) : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

\*Potong mana yang tidak berkenaan.

---

<sup>1</sup> Perenggan ini hendaklah dipotong keseluruhannya, jika pegawai bersetuju memilih Skim KWSP

## LAMPIRAN B

Rujukan Jabatan:

**TAWARAN OPSYEN UNTUK MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG  
SIMPANAN PEKERJA SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN 6A (1)  
PINDAAN AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA  
BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 (AKTA 239)**

Saya..... yang telah dilantik ke jawatan..... dalam perkhidmatan..... pada..... dengan ini **bersetuju / tidak bersetuju\*** memilih Skim **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA.**

2. Saya sesungguhnya faham bahawa oleh kerana saya telah tidak memilih Skim **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**, maka saya dengan sendirinya tertakluk di bawah Skim Pencen mengikut Akta 239.<sup>2</sup>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
(Tandatangan)

Disaksikan oleh : .....  
(Tandatangan)

Nama : .....

No.K. Pengenalan (baru) : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

\*Potong mana yang tidak berkenaan

---

<sup>2</sup> Perenggan ini hendaklah dipotong keseluruhannya jika pegawai bersetuju memilih Skim KWSP

**LAMPIRAN C**

Rujukan Jabatan:

**PERAKUAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN SELARAS  
DENGAN SEKSYEN 7 AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227)**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa.....  
telah mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira tidak kurang  
daripada..... tahun dan dengan ini memperakukan dia diberi taraf berpencen.

Tandatangan Ketua Jabatan:.....

Nama Penuh Ketua Jabatan:.....

Jabatan/Kementerian:.....

Tarikh:.....

**LAMPIRAN D**

Rujukan Jabatan:

**PERAKUAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN SELARAS  
DENGAN SEKSYEN 6 AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK  
BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 (AKTA 239)**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa.....  
telah mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira tidak kurang  
daripada..... tahun dan dengan ini memperakukan dia diberi taraf berpencen.

Tandatangan Ketua Jabatan:.....

Nama Penuh Ketua Jabatan:.....

Jabatan/Kementerian:.....

Tarikh:.....